

# BN boleh jadi parti tunggal: Mahathir

8 JUL 2001

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN), gabungan 13 parti komponen yang mewakili pelbagai kaum di negara ini, akhirnya boleh dijadikan sebuah parti tunggal untuk satu bangsa Malaysia.

Gagasan itu diluahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merangkap Pengerusi BN dalam ucapan dasar di Konvensyen Barisan Nasional yang dihadiri presiden hampir semua parti komponen di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Cadangan itu mendapat sambutan baik di kalangan semua pemimpin BN, tetapi mereka mahu ia dilakukan secara perlahan sehingga boleh diterima akar umbi.

Namun, ketika penggulungan perbahasan pada akhir konvensyen itu, Dr Mahathir berka-

ta usaha perlu dilakukan melalui proses evolusi, bukan revolusi.

"Adalah lebih baik kita melangkah dengan perlahan-lahan asalkan kita mencapai matlamat, daripada kita gopoh dan cuba melompat ke hadapan. Kita mungkin jatuh, tempang dan patah kaki.

"Semua pemimpin parti komponen ingin

- **Gabungan parti pembangkang barisan tiruan – MUKA 2**
- **Ucapan penuh PM – MUKA 10 dan 11**

menentukan bangsa Malaysia ini dapat dibentuk secepat mungkin. Cadangan penubuhan BN sebagai satu parti dan tidak lagi parti gabungan sudah diterima, tetapi masing-masing berpendapat kita tidak harus melakukannya secara

tergesa-gesa.

"Sebaliknya kita perlu membentuk BN ini melalui proses evolusi dan bukan revolusi dan inilah cara yang terbaik bagi kita," katanya dalam ucapan kira-kira 25 minit.

Sementara itu dalam sidang akhbarannya kemudian, Dr Mahathir menjelaskan pembentukan sebuah parti bangsa Malaysia boleh dilak-

kan secara perlahan bergantung kepada penerimaan anggota parti BN sekarang.

Ketika ditanya mengenai ucapannya kali ini yang masih menyentuh pentingnya pembentukan bangsa Malaysia seperti Konvensyen BN

1995, beliau yang juga Presiden Umno berkata, kali ini semangat ke arah itu nampak semakin kukuh.

"Pada masa itu (1995), tidak begitu jelas, tapi kali ini begitu ramai yang menunjukkan semangat bangsa Malaysia.

"Walaupun kita bukan daripada satu kaum, tapi komitmen kita kepada Malaysia nampak lebih kuat," katanya.

Perdana Menteri berkata, berbeza dengan parti pembangkang, komitmen mereka untuk membentuk semangat bangsa Malaysia adalah lemah kerana mereka sering meminta pertolongan orang asing.

Dalam ucapannya pada pembukaan konvensyen itu, Dr Mahathir melahirkan rasa yakin

**LIHAT MUKA 2**

# 'Percaya proses evolusi, bukan revolusi'

## DARI MUKA 1

bahawa lama kelamaan BN akan menjadi satu parti dan bukan lagi satu-parti campuran.

"Ini akan mengambil masa kerana tidak mudah untuk menghapuskan perasaan curiga kita terhadap kaum yang lain.

"Kita akan mengambil masa tetapi inilah matlamat kita. Permulaannya dengan pembentukan parti Perikatan, kemudian BN. Sekarang ini kita nak melihat BN merapatkan diri di antara parti komponen supaya lebih dekat dan lebih kerap bertemu.

"Kita cuba memahami masalah masing-masing dan cuba menyelesaikan masalah itu secara bersama," katanya dalam ucapan kira-kira 70 minit. Ucapan dasarnya itu kemudian dibahas oleh semua Presiden 13 parti komponen kecuali Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak yang diwakili timbalan presidennya, Tan Sri Alfred Jabu.

Beliau berkata, usaha ke arah menjadikan BN sebagai sebuah parti bangsa Malaysia akan mengambil masa kerana tindakan itu juga memerlukan usaha menaikkan ekonomi semua kaum supaya sama taraf.

Katanya, dengan persamaan itu, kecurigaan di antara kaum dengan kaum lain akan dapat dikurangkan.

Beliau berkata, BN kini juga perlu mengubah pendekatan untuk disesuaikan dengan keperluan semasa dan bagi menarik perhatian generasi muda teru-

tama yang dilahirkan selepas merdeka.

Malah katanya, hubungan di antara parti-parti komponen tidak harus lagi terhad ketika pilihan raya atau dalam acara-acara tertentu seperti selama ini.

"Kita perlu melihat BN bekerjasama sepanjang masa pada semua peringkat, di peringkat pusat, negeri, kawasan pilihan raya dan cawangan. Kerjasama yang erat perlu dijalin antara semua anggota BN.

"Mereka perlu mengadakan lebih banyak mesyuarat bersama dan tidak hanya menumpu kepada mesyuarat parti masing-masing. Mereka harus lebih menitikberatkan kaum-kaum lain, bukan kaumnya sendiri saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN perlu merangka pendekatan yang relevan kerana generasi baru yang dilahirkan selepas merdeka mempunyai tanggapan yang jauh berbeza.

"Mereka tidak kenal penderitaan, tidak tahu susah, mereka celik mata dan mereka lihat bangunan pencakar langit di sekeliling. Mereka dilahir di hospital yang canggih dengan pakar tempatan, pergi ke sekolah dengan mudah, dapat biasiswa dan segala kemudahan," katanya.

Beliau berkata, golongan ini menganggap segalanya perkara biasa dan ia terjadi dengan sendiri tanpa perlu diusahakan oleh sesiapa serta mereka tidak mengiktiraf kejayaan BN membangunkan negara ini.

Sebaliknya kata Perdana Menteri, ada di antara mereka yang berpenda-

pat sesiapa saja memerintah akan berjaya membangunkan negara seperti mana BN membangunkan Malaysia.

"Inilah kepercayaan mereka, generasi yang baru ini. Sebab itu kita lihat minat mereka untuk menyokong BN, untuk menerima prinsip kerjasama ala BN ini sudah berkurangan.

"Mereka tidak lagi percaya kepada kerjasama antara kaum, bahkan mereka lebihutamakan kaum masing-masing. Mereka berada berasingan di sekolah, di universiti dan juga mereka berada berasingan selepas mereka mula bekerja.

"Mereka percaya bahawa dunia mereka terjamin aman dan terjamin makmur dan mereka tetap akan mendapat pekerjaan yang membayar gaji lumayan kepada mereka.

Justeru, mereka tak perlu lagi kepada politik kerjasama BN. Mereka lebihutamakan perjuangan yang sehingga tidak ada persefahaman antara mereka walaupun sesama kaum atau di kalangan kaum," katanya.

Dr Mahathir menasihatkan semua wakil rakyat BN memahami keadaan itu dan berusaha menanganinya dengan tumpuan kepada semua kaum, bukan kaum tertentu.

Sekarang katanya, kedengaran rasa yang tidak senang hati dengan wakil rakyat BN kerana menumpukan perhatian kepada kaumnya saja, tidak membuat lawatan, bertemu dan mendengar rintihan daripada kaum lain serta tidak menyertai mesyuarat sebagai tetamu di mesyuarat parti komponen.